

# Tun tetap setia pada UMNO - Hishammuddin

ALOR STAR 13 Ogos - "Saya" percaya walau apa pun yang menyakiti hati Tun (Dr. Mahathir Mohamad), dia tidak akan menjejaskan parti," kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut Hishammuddin, keyakinan itu lahir kerana beliau mengenali Dr. Mahathir sebagai seorang individu yang menyayangi parti dan juga perjuangannya.

Sehubungan itu katanya, individu atau pihak-pihak tertentu yang rapat dengan Dr. Mahathir perlu mendekati beliau dan tidak 'lari' daripadanya.

Hishammuddin berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Alor Star di Bangunan Tunku, di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesetiaan bekas Perdana Menteri itu terhadap UMNO sekarang.

Menurutnya, orang yang dekat dengan Dr. Mahathir terutamanya di negeri ini perlu berusaha secara berterusan mencari 'penawar' tersebut kerana mereka lebih memahami beliau yang berasal dari Kedah.

"Bukan mudah kalau ada 'benda' yang terbuku di hati. Jadi kita kena bagi ubat yang betul. Kalau bagi ubat sakit jantung sedangkan jantung tak sakit, tiada guna juga. Kena cari ubat sakit hati yang betul (bagi menjernihkan keadaan)," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Hishammuddin berkata, Dr. Mahathir bukan individu yang mudah dipengaruhi oleh orang lain walaupun banyak pihak cuba mengambil kesempatan ke atasnya.

Apa yang perlu dilakukan kata beliau, ialah 'menghapuskan' orang di sekeliling bekas Perdana Menteri itu yang cuba menghasutnya supaya keadaan tidak menjadi bertambah keruh.